TEKS UCAPAN
PERASMIAN PROGRAM GOTONG ROYONG
KHIDMAT SOSIAL KORPORAT ANGKASA (CSR)
SUKARELAWAN KOPERASI ANGKASA PUSAT BERSAMA SAMA DENGAN

JPAN DAN SUKARELAWAN KOPERASI PAHANG ZON 3 DAN KOPERASI KARIAH MASJID KAMPUNG LUBUK KULIT

7 MEI 2017 (AHAD)
8.30 PAGI

MASJID KAMPUNG LUBUK KULIT LIPIS PAHANG

OLEH:

DATO' HJ. ABDUL FATTAH HJ. ABDULLAH

PRESIDEN ANGKASA

YANG BERBAHAGIA
DATUK HJ. ABDUL AZIZ HJ ABDULLAH
PENGERUSI PERHUBUNGAN
ANGKASA NEGERI PAHANG ZON 3

YANG BERBAHAGIA
TUAN MAZLAN BIN JALI
PENGERUSI JKKK YANG JUGA PENGERUSI MASJID KAMPUNG LUBUK KULIT

YANG BERBAHAGIA
TUAN IMAM MASJID KAMPUNG LUBUK KULIT

BARISAN
JAWATANKUASA PERHUBUNGAN ANGKASA NEGERI PAHANG ZON 3

DAN ANGGOTA SUKARELAWAN KOPERASI ANGKASA PAHANG ZON 3

AJK MASJID KAMPUNG LUBUK KULIT

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI KARIAH MASJID KAMPUNG LUBUK KULIT

DAN ANAK-ANAK KARIAH MASJID KAMPUNG LUBUK KULIT

DATO-DATO, TUAN IMAM, TUAN PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

TERLEBIH DAHULU, SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH DAN SYUKUR KERANA DENGAN LIMPAH RAHMAT YANG MAHA ESA, DAPAT

KITA BERKUMPUL PADA PAGI INI UNTUK SATU PROGRAM GOTONG ROYONG PEMBERSIHAN DAN MENGECAT MASJID KAMPUNG LUBUK KULIT DAERAH LIPIS.

TERIMA KASIH KEPADA PENGERUSI DAN AJK MASJID KAMPUNG LUBUK KULIT DAN KOPERASI KARIAH MASJID KAMPUNG LUBUK KULIT KERANA DAPAT BERSAMA-SAMA DALAM AKTIVITI GOTONG ROYONG INI.

DATO-DATO, TUAN IMAM, TUAN PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

ANGKASA SECARA TERUS MENERUS MEMBERI BAKTI KEPADA GERAKAN KOPERASI DAN JUGA MASYARAKAT DI NEGARA KITA INI. PELBAGAI

PROGRAM, PROJEK DAN KEGIATAN-KEGIATAN TELAH DILAKSANAKAN SEMENJAK DARIPADA PENUBUHAN ANGKASA 46 TAHUN YANG LALU.

SAMA ADA PROGRAM BERBENTUK PENDIDIKAN DAN KEPIMPINAN,

PEMBANGUNAN DAN KHIDMAT NASIHAT PERNIAGAAN, RANGSANGAN KEUNTUNGAN, PEMASARAN DAN SEHINGGA KEPADA PENGENALAN PRODUK KOPERASI.

USAHA TANPA JEMU INI BERMULA SAMA ADA DARIPADA KOPERASI SEKOLAH SEHINGGA KEPADA KOPERASI KELUARGA DAN KOPERASI DEWASA, DAN KINI, ANGKASA MEMPERLUASKAN DENGAN MEMPERKENALKAN DAN

MENGGALAKKAN PENUBUHAN KOPERASI KARIAH MASJID DI SELURUH MALAYSIA.

USAHA INI ADALAH BERDASARKAN MATLAMAT ANGKASA UNTUK MELIHAT GERAKAN KOPERASI MAJU,

BERPENDAPATAN, BERDAYA SAING DENGAN ENTITI PERNIAGAAN SEPERTI SYARIKAT-SYARIKAT DAN SECARA TIDAK LANGSUNG MEMBERI KEMAJUAN KEPADA RAKYAT DAN NEGARA MALAYSIA.

DATO-DATO, TUAN IMAM, TUAN PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

USAHA ANGKASA INI JUGA BUKAN SEKADAR KEPADA ASPEK PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN EKONOMI SEMATA-MATA, BAHKAN

ANGKASA JUGA TURUT MEMBERI KHIDMAT BAKTI DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KEPADA SEMUA MASYARAKAT DAN GERAKAN KOPERASI.

USAHA INI DIPERKEMASKAN LAGI MELALUI PENUBUHAN SUKARELAWAN KOPERASI YANG TELAH DIRASMIKAN OLEH YG BERBAHAGIA DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB, MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI,

KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN PADA TAHUN 2010.

SEMENJAK DARIPADA ITU, ANGKASA TELAH MEMPERUNTUKKAN BERJUTA RINGGIT PERUNTUKAN KEPADA PROGRAM-PROGRAM DIBAWAH

TANGGUNGJAWAB SOSIAL ANGKASA. TAHUN 2014 MISALNYA, ANGKASA TELAH MEMPERUNTUKKAN SEKITAR RM 1 JUTA KEPADA MANGSA-MANGSA BANJIR TERBURUK YANG TELAH MELANDA MALAYSIA TERUTAMA NEGERI-

NEGERI DI PANTAI TIMUR, KELANTAN, TERENGGANU, PAHANG DAN NEGERI-NEGERI LAIN.

SELAIN ITU, ANGKASA TERUS MENERUS MENYEMAI KHIDMAT BAKTI KEPADA MASYARAKAT MALAYSIA

MELALUI GERAKAN KOPERASI SAMA ADA MELALUI PROGRAM-PROGRAM KEMASYARAKATAN, KEMUDAHAN BAYARAN ZAKAT KOPERASI, PENUBUHAN PUSAT DIALISIS ANGKASA, BANTUAN PEMASARAN

PRODUK-PRODUK KOPERASI DAN LAIN-LAIN.

TANGGUNGJAWAB ANGKASA ADALAH SELARAS DENGAN PRINSIP KE 7 KOPERASI IAITU PERIHATIN TERHADAP ANGGOTA DAN

MASYARAKAT MALAYSIA. KOPERASI SECARA AMNYA DIWUJUDKAN ADALAH UNTUK MENAMBAH NILAI DARI SEGI NILAI KEMANUSIAAN, PEHUBUNGAN KEAKRABAN, NILAI EKONOMI BERTERAS KEJUJURAN, KEBAJIKAN ANGGOTA DAN

KETELUSAN PUCUK PIMPINAN KOPERASI.

DATO-DATO, TUAN IMAM, TUAN PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

PENGWUJUDAN KOPERASI KARIAH MASJID JUGA ADALAH MERUPAKAN USAHA BAKTI ANGKASA YANG INGIN MELIHAT EKONOMI DAN KEBAJIKAN ORANG-ORANG ISLAM DI MALAYSIA TERJAGA DAN BERKISAR PADA

KELOMPOK ANAK-ANAK KARIAH MASJID ITU SENDIRI.

SEMOGA USAHA INI MENDAPAT SOKONGAN DAN DOKONGAN ANAK-ANAK KARIAH MASJID KAMPUNG LUBUK KULIT DENGAN

MENYOKONG KEPADA KEWUJUDAN DAN PROJEK-PROJEK DI BAWAH KENDALIAN KOPERASI INI.

SEHINGGA KE HARI INI, JUMLAH KOPERASI KARIAH MASJID DI DAERAH KUALA LIPIS ADALAH BERJUMLAH 4 BUAH KOPERASI,

MANAKALA KOPERASI KARIAH MASJID DI NEGERI PAHANG ADALAH BERJUMLAH 36 BUAH KOPERASI DAN JUMLAH KOPERASI KARIAH MASJID SELURUH NEGARA ADALAH BERJUMLAH 411 BUAH KOPERASI.

ANGKASA BUKAN HANYA MELIHAT KUANTITI TETAPI BAHKAN JUGA MELIHAT KEPADA KUALITI YANG ADA PADA SETIAP KOPERASI KARIAH MASJID. SEMOGA DENGAN ADA NYA KERJASAMA DAN DORONGAN YANG AMAT KUKUH MELALUI YB

MENTERI KPDNKK DAN SKM, ANGKASA AKAN DAPAT MENCAPAI VISI DAN MISI YANG DIGARISKAN UNTUK PERKEMBANGAN KOPERASI KARIAH MASJID DI SELURUH NEGARA DAN BAKAL MENJADI SALAH SATU PUSAT YANG BUKAN HANYA

BERMATLAMATKAN IBADAH SEMATA-SEMATA BAHKAN JUGA MEMBERI MANFAAT EKONOMI, SOSIAL DAN JALINAN PERSAUDARAAN SESAMA BANGSA KITA.

DATO-DATO, TUAN IMAM, TUAN PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

PROGRAM PADA PAGI INI AMAT BERMAKNA KEPADA ANGKASA KERANA KITA DAPAT BERSAMA-SAMA DENGAN PENDUDUK KAMPUNG

LUBUK KULIT DALAM PROGRAM GOTONG ROYONG MENGECAT DAN MEMBERSIHKAN KAWASAN MASJID KAMPUNG LUBUK KULIT. USAHA IKHLAS ANGKASA INI PERLU DILIHAT DALAM SUDUT YANG POSITIF UNTUK BERSAMA-SAMA DALAM

MEMAKMURKAN MASJID SEBAGAI PUSAT SETEMPAT DAN JUGA UNTUK KEMAKMURAN ANAK-ANAK KARIAH. UNTUK ITU, ANGKASA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT PADA PROGRAM PAGI INI.

DENGAN LAFAS BISMILLAH HIRRAHMAN NIRAHIM SAYA MERASMIKAN PROGRAM GOTONG ROYONG KHIDMAT SOSIAL KORPORAT ANGKASA BERSAMA-SAMA DENGAN KOPERASI KARIAH MASJID KAMPUNG LUBUK KULIT.

SEKIAN,

WABILAHITAUFIK WAL HIDAYAH,
ASSALAMUALAIKUM W.B.T

- **TAMAT -**